



SIARAN AKHBAR

RM82,575.00 SUMBANGAN UNTUK NEGERI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR

Semenyih, 27 Julai 2021 – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) memperuntukkan sejumlah RM73,525.00 bagi tujuan sumbangan kepada golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM33,000.00 disumbangkan kepada Masjid Qaryah Kampung Rinching Hulu, Semenyih bagi tujuan membaik pulih bumbung masjid menggunakan dana Wakaf Tunai Khas Masjid YWM. Sumbangan ini diserahkan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kepada Nazir Masjid, Haji Samsudin Md Yassin. Turut hadir bersama adalah Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Dana Wakaf Tunai Khas Masjid ini merupakan salah satu produk wakaf YWM yang diwujudkan bagi memenuhi hasrat pewakaf supaya dana yang diwakafkan ini digunakan khusus bagi tujuan pembangunan masjid.

Sebelum itu, YWM telah menyumbangkan sumbangan di bawah Program Bantuan Dana PERLU di beberapa lokasi di sekitar Negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Kesemua penerima sumbangan terdiri daripada golongan OKU, pengusaha bas, ibu tunggal, institusi pendidikan dan murid-murid sekolah dari kalangan keluarga B40.

Menerusi program ini, sejumlah RM21,150.00 telah diperuntukkan bagi tujuan menyediakan pek sumbangan makanan keperluan kepada 423 keluarga. Manakala sejumlah RM28,425.00 disediakan bagi tujuan sumbangan tablet, komputer riba dan mesin pencetak melibatkan 4 buah sekolah iaitu SK Sungai Serdang, Kapar; SK Samudra, Batu Caves; SK Batu 9, Cheras; dan SMK Dato' Ahmad Razali, Ampang Jaya dan juga kepada 3 buah keluarga yang memerlukan. Bagi pemberian tablet kepada pihak sekolah, tablet ini akan dipinjamkan kepada murid yang mengalami kesukaran menjalani sesi PdPR yang dikenalpasti oleh pihak sekolah. Turut diserahkan dalam majlis ini adalah Tatacara Pengurusan Aset Wakaf kepada pihak sekolah bagi memastikan pengurusan tablet tersebut adalah selari dengan konsep wakaf.

Selaras dengan pelancaran Musa'adah 3.0 oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 1 Jun 2021 yang lalu, YWM juga telah mewujudkan Dana PERLU dengan tujuan yang sama untuk membantu meringankan beban pihak-pihak terjejas pendapatan. Sehingga 18 Julai 2021, kutipan terkumpul berjumlah RM268,032.99 dan daripada jumlah tersebut, RM127,950.00 telahpun diagihkan.

Untuk menjadi sebahagian daripada penyumbang **Program Dana PELAJAR**, masyarakat boleh layari www.ywm.gov.my/wakaf-online dan memilih Sijil Wakaf Tunai Pendidikan untuk berwakaf atau salurkan sumbangan ke akaun CIMB ISLAMIC BANK BERHAD - 8602218186 untuk **Program Dana PERLU**.

Yayasan Waqaf Malaysia

27 Julai 2021

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395
azia@ywm.gov.my**